

IKHWĀN AL-MUSLIMĪN BERSATU SEKARANG....!

TEGAKKANLAH JIHAD SAUDARA-SAUDARA UNTUK MENEGAKKAN AGAMA ALLAH

Di dalam majalah Qalam bilangan 67 yang lalu telah dipeturunkan beberapa ayat yang menyuruh kita memilih siapakah orangnya yang mustahak dijadikan pemimpin kita iaitu suatu panduan yang tepat dan terang untuk menjadi panduan kita memilih mereka supaya jangan kita memilih atau menjadikan pemimpin kita orang-orang yang menjadikan agama itu ejekan-ejekan, orang-orang yang memilih kufur daripada iman kerana yang demikian itu sangat besar bebannya kepada agama kita.

(Oleh Pemerhati)

Ayat-ayat itu terang berisi tegah dan larangan bagi kita menjadikan orang-orang yang begitu sifatnya dijadikan ketua-ketua yang di dalam perkara agama mereka seolah-olah khusyuk dan suka kepada agama tetapi sesudah lepas daripada segala sesuatu yang dihatinya ia membelakangi agama bahkan segala perbuatannya bertentangan dengan agama.

Yang demikian itu terang ialah suatu perintah kepada orang-orang yang beriman supaya memilih ketua-ketuanya daripada orang-orang yang beriman pula – bukannya mereka yang beriman dengan mulut tetapi beriman beserta hati dan perbuatan.

Orang-orang yang beriman itu, menurut Kiyai Muhammad Isa Anshari, ialah mereka yang beriktikad hendak menegakkan hukum-hukum Allah di dalam masyarakat manusia yang memandang bahawa perintah-perintah itu sebagai suatu kewajipan yang wajib dijalankan untuk mendapat keredaan Tuhannya. Tegas bunyi suruh dan perintah itu.

Semuanya terang, katanya, untuk memilih mana yang halal dan mana yang batil, mana yang boleh dipilih dan mana yang tidak! Terang nyata janji Tuhan akan memberi siksa dan bencana di hari kemudian jika kaum Muslimin cuai dan ceroboh, tidak berhati-hati dan berjaga-jaga memberikan

pilihannya dengan menjadikan mereka pemimpin!

Apakah kita akan menjual iman dan tauhid kita kepada orang-orang yang begitu keadaannya? Tidak! Kita wajib tegas menyatakan kepada umat akan bahaya-bahaya yang bakal menimpa dirinya dan kita wajib tegas menyatakan peringatan-peringatan Tuhan kepada mereka itu sekalipun isinya terlalu keras, terlampau tajam dan pahit – keras, tajam dan pahit kepada orang-orang yang tidak beriman dan menapak – kepada mereka yang hanya berpegang kepada perasaan hawa nafsu semata-mata yang jiwanya tidak mahu lagi mendengar seruan Tuhan kelak.

Keadaan-keadaan yang seperti ini patut benar diperhatikan oleh umat Islam pada masa ini terutamanya pula dalam masa menghadapi kemerdekaan yang dicadangkan “seboleh-bolehnya” pada tahun 1957 hadapan. Kita umat Islam wajib memerhatikan kedudukan agama kita di sana kerana kita harus akan melihat kelak timbulnya janji-janji yang besar kepada agama kita, janji-janji yang bukannya sahaja diberi oleh orang-orang yang tidak cenderung kepada agama tetapi juga oleh orang-orang yang berpengetahuan atau pun orang-orang yang boleh disebut sebagai

ulama yang bakal lupa kepada tanggungjawabnya apabila ia telah mendapat sedap manisnya duduk di kerusi yang lembut dengan mendapat perolehan yang “lumayan” – kata orang di Indonesia.

Doktor Abdul Rauf dari Kolej Islam Klang di dalam suatu ucapan baharu-baharu ini tatkala meminta perhatian tentang di mana kedudukan Islam di dalam negara Merdeka nanti sambil memperingatkan jangan terjadi seperti keadaannya di Timur Tengah adalah menjadi suatu perkara yang boleh kita kaitkan kepada peringatan ayat-ayat yang tersebut di dalam mana umat telah tersalah pilih iaitu dengan memilih orang-orang yang menjadi pemimpinnya untuk memandunya sehingga pengorbanan darah, air mata, tenaga dan jiwa yang dikorbankan oleh umat Islam menjadi sesia belaka – menjadi alat atau diperalatkan oleh muslihat-muslihat yang lain yang menggunakan pemimpin-pemimpin yang kita lantik itu sebagai ketua pada hal ia di dalam itu mencari peluang yang terbuka oleh menjaga muslihatnya.

Peringatan Doktor Abdul Rauf itu ialah suatu peringatan yang belum lewat masanya. Kita umat Islam tidak dapat dan tidak akan sampai kepada had mengawal agama mereka jika dari sekarang ini kita tidak pun mencari pemimpin-pemimpin yang berkelayakan dan menjauhkan daripada menjadikan pemimpin-pemimpin kita di atas orang-orang yang ditegah Tuhan di dalam beberapa firman-Nya yang maksudnya-maksudnya seperti di bawah ini:

“Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan orang-orang kafir itu sebagai ketua (pemimpin) pada hal mereka bukan daripada kaum Mu’minin. Apakah kamu mau mangadakan satu alasan yang nyata bagi Allah buat menghukum kamu?”, (al-Nisā’ 144).

“Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu pandang sahabat karib (*Baṭānihi*) lain daripada golongan kamu.

Mereka itu tidak berhenti-hentinya berikhtiar mencari kecelakaan atas kamu. Mereka itu suka apa yang menyusahkan kamu. Sesungguhnya kebenciannya telah terbit dari mulut-mulut mereka itu ada lebih besar lagi. Kami telah terangkan tanda-tanda kepada kamu jika kamu (mau berfikir). (Āli ‘Imrān 117)

“Ingat! Kamu ini mencintai mereka itu sedang mereka tidak cinta kepada kamu. Dan kamu percaya kepada segala isi al-Qurān sedang mereka itu apabila bertemu dengan kamu hanya mereka mengakui: “Kami beriman”, tetapi apabila berpisah mereka gigit jari, mereka kerana marah bercampur benci kepada kamu. Katakanlah kepada mereka itu: “Matilah kamu bersama marahmu itu”. Allah mengetahui apa yang terkandung di dalam dadamu.” (Āli ‘Imrān, 119).

Mereka yang mengangkat orang-orang kafir itu menjadi pemimpin-pemimpinnya bukanlah ia orang Mukmin. Patutkah mereka menuntut kemuliaan daripada mereka itu? Maka sesungguhnya kemuliaan itu sesuai bagi Allah” – (al-Nisā, 139).

“Bagaimana boleh dipercayai pada hal kalau mereka mendapat kemenangan atas kamu, tidak akan mereka hormati tali persaudaraan dan tidak akan mereka penuhi perjanjian. Mereka itu memujuk kamu dengan mulut mereka sedang hati mereka tidak demikian, dan kebanyakan daripada mereka itu orang-orang fasik”. (al-Tawbah, 8).

“Mereka bersumpah kepada kamu (dengan rupa-rupa janji dan kesanggupan) supaya kamu suka dengan reda kepada mereka. Walaupun kamu suka dan reda kepada mereka tetapi Allah tidak suka kepada kaum yang fasik” – (al-Tawbah, 96).

-bersambung